

MAHATHIR-PERCANTUMAN

168

KUCHING, 26 MAC <sup>1977</sup> (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENSIFATKAN CADANGAN UNTUK MENCANTUMKAN KETIGA-TIGA BUAH PARTI POLITIK UTAMA DI SARAWAK SEBAGAI SATU LANGKAH +YANG PALING BAIK.+

+SEBARANG LANGKAH YANG DAPAT MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN KITA ADALAH AMAT BAIK DAN RAKYAT AKHIRNYA AKAN MENDAPATINYA SEBAGAI SATU TINDAKAN YANG MENDATANGKAN KEBAIKAN KEPADA MEREKA DAN NEGARA,+ KATA BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU DEMIKIAN KETIKA DITANYA MENGENAI SYOR KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN YAKUB TENTANG PERKARA ITU.

DATUK PATINGGI RAHMAN TELAH MENYARANKAN SUPAYA PARTINYA, PARTI PESAKA BUMIPUTRA BERSATU SARAWAK (PBB), PARTI KEBANGSAAN SARAWAK (SNAP) DAN PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK (SUPP) YANG MERUPAKAN PARTI-PARTI KOMPONEN DALAM KERAJAAN CAMPURAN BARISAN NASIONAL NEGERI DIGABUNGGAN DALAM SATU PERTUBUHAN YANG TUNGGAL.

DATUK PATINGGI RAHMAN YANG TURUT HADIR DI PERTEMUAN ITU BERKATA +KITA TERPAKSA MEMBERI MASA YANG CUKUP KEPADA PARTI-PARTI BERKENAAN MENGAJAI SYOR TERSEBUT DAN KITA TIDAK MAHU MEREKA TERBURU-BURU MEMRIHAT KEPUTUSAN MENGENAINYA,+ -- BERSAMBUNG 1922/YF  
MAHATHIR-PERCANTUMAN 2 KUCHING

DITANYA MENGENAI URA-URA KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) UNTUK MEMBENTUK SEBUAH PARTI POLITIK, DR. MAHATHIR BERKATA: +SUDAH TENTU MEREKA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN TETAPI MEREKA JUGA HARUS SEDAR BAHAWA ISSUE UNTUK MENINGGIKAN PENDAPATAN SESEORANG ITU BUKAN SELALUNYA SATU ISSUE NEGARA.+

BELIAU BERPENDAPAT ADALAH SATU ANGGAPAN YANG MELESET JIKA MEREKA MENYANGKA BAHAWA RAKYAT AKAN SENTIASA MENYOKONG SEBUAH PARTI BURUH.

KATANYA, SATU LAGI FAKTA YANG PATUT DIPERTIMBANGKAN OLEH MTUC IALAH KEBANYAKAN DARI AHLI-AHLINYA TERDIRI DARI AHLI-AHLI UMNO DAN PAS YANG MUNGKIN TIDAK SANGGUP MENINGGALKAN KEDUA BUAH PARTI ITU JNTUK MENYERTAI PARTI POLITIK BARU YANG DICADANGKAN OLEH MTUC.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA BAHAWA BELIAU KESAL ADANYA SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN YANG MENJADIKAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MENGAMBILALIH PENTADBIRAN SEKOLAH-SEKOLAH SEBAGAI SATU ISSUE POLITIK.

DR. MAHATHIR TELAH DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DR. SITI HASMAH DAN MENTERI SAINS, TEKNOLOJI DAN ALAM SEKITAR, TAN SRI ONG KEE HUI, YANG JUGA Pengerusi SUPP DALAM LAWATAN SINGKATNYA KE SARAWAK.  
-- BERNAMA 1942/YF